

Jadikan kurniaan Tuhan modal utama: PM

JERTIH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat menggunakan sepenuhnya kurniaan Tuhan, untuk dijadikan sebagai 'modal' bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Perdana Menteri berkata, modal itu tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit, tetapi kadang-kadang berupa kurniaan Tuhan yang percuma seperti keindahan semula jadi, sumber alam, tenaga dan akal fikiran.

Menurutnya, banyak punca kekayaan yang boleh diperolehi daripada keindahan dan sumber alam yang dikurniakan Allah yang jika diuruskan dengan baik boleh menghasilkan pendapatan lumayan kepada penduduk.

"Bagi memperolehi sumber

kekayaan itu, kita perlu menggunakan tenaga dan fikiran dengan melakukan sesuatu bagi menghasilkan pendapatan lumayan," katanya berucap ketika melawat kawasan Air Panas LA, di Kampung LA, dekat sini, semalam.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia amat bernasib baik kerana mudah ditumbuhi pelbagai tumbuh-tumbuhan yang boleh menghasilkan keuntungan.

"Jika kita memikirkan dengan lebih mendalam dan menentukan pokok yang memberi pendapatan yang lebih besar dan mengusahakannya, tanah yang subur sudah menjadi modal yang besar kepada kita," katanya.

Beliau berkata, beberapa negara seperti Brazil yang kaya

dengan getah dan Afrika dengan kelapa sawit, tidak dapat menggunakan keistimewaan mereka itu kerana tidak pandai menguruskan sumber itu dengan baik.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu berbeza di Malaysia yang dulunya tidak mempunyai sumber berkenaan, tetapi tanah yang subur serta dapat menguruskan tanaman getah dan kelapa sawit dengan baik menjadikan negara ini sebuah negara pengeluar utama komoditi itu.

"Begitu juga dengan kawasan Air Panas LA, jika ia dibangunkan dan diuruskan dengan baik ia berpotensi menjadi sebuah destinasi terkemuka dan menarik dan boleh menghasilkan pendapatan lumayan kepada penduduk," katanya.